

Soalan No: 27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**  
**TARIKH : 5.4.2018 (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) peruntukan Sabah daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek baharu dan sambungan membabitkan 142 sekolah terutama di Parlimen Tenom menerusi Rancangan Malaysia Ke-11; dan
- (b) pada masa ini, berapakah nisbah guru berasal Sabah yang mengajar di Sabah seperti yang ditetapkan Kementerian dan berapa ramai guru yang mengajar di sekolah menengah dan sekolah rendah di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah *Rolling Plan 3* Tahun 2018 RMKe-11 adalah sebanyak RM1.448 billion untuk menampung 906 projek baru dan sambungan. Khusus bagi Negeri Sabah, secara keseluruhannya sebanyak 145 projek akan dilaksanakan di bawah RMKe-11 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM3.32 billion. Projek pembangunan tersebut melibatkan pembinaan asrama, pembinaan sekolah menengah dan rendah, maktab perguruan, prasekolah, sekolah teknik dan vokasional, program pembangunan sukan dan pembinaan sekolah sukan,

sistem pengkomputeran sekolah dan ubahsuai naik taraf pendidikan serta pembelian tanah.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM32,167,110.00 yang melibatkan 6 buah projek dalam RMKe-11 khusus bagi Parlimen Tenom. Senarai projek RMKe-11 di Parlimen Tenom;

- a. Pembinaan 1 kelas pra sekolah di SK Pangalat;
  - b. Pembinaan 1 kelas pra sekolah di SK Simpang;
  - c. Pembinaan 1 kelas pra sekolah di bawah sub NKRA pra sekolah SJKC Tsi Sin;
  - d. Pembinaan bangunan tambahan 12 BD dan lain-lain kemudahan di SK Kemabong, Tenom, (bantuan modal);
  - e. Menaiktaraf bangunan bilik darjah kayu ke konkrit di SJKC TSI SIN, Tenom, Sabah (Bantuan Modal);
  - f. Menaiktaraf bangunan bilik darjah kayu ke konkrit, parit, pagar SJKC Yuk Hwa, Tenom, Sabah (Bantuan Modal);
- (b) Berdasarkan kepada kedudukan guru pada 31 Januari 2018, keseluruhan guru di Sabah berjumlah 42,426 iaitu seramai 16,193 di sekolah menengah dan seramai 26,233 di sekolah rendah, Sekolah Dalam Hospital, Sekolah Dalam Penjara. Daripada jumlah keseluruhan guru tersebut, nisbah pengisian guru kelahiran Sabah yang berkhidmat di Sabah adalah sebanyak 87 peratus (36,773) manakala 13 peratus (5,653) diisi oleh guru bukan kelahiran Sabah. Data mengikut pecahan dan nisbah jenis sekolah menunjukkan di sekolah menengah 83 peratus (13,397 orang) : 17 peratus (2,796 orang) dan di sekolah rendah 89 peratus (23,376) : 11 peratus (2,857).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD**  
**TARIKH : 5 APRIL 2018**  
**SOALAN : NO. 28**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian bagi membina sebuah cawangan Institut Pengajian Tinggi di Langkawi dan saya berharap agar Universiti Utara Malaysia atau Universiti Teknologi MARA dapat membuka Fakulti Perhotelan dan Pelancongan di pulau ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan bidang pendidikan tinggi supaya dapat memanfaatkan semua pihak tanpa mengira latar belakang demografi dan sosiobudaya.

Dalam membuktikan komitmen tersebut, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan sebanyak 13 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Kedah sahaja. IPTA ini terdiri daripada satu (1) buah universiti awam (UA), satu (1) buah kampus cawangan UA, dua (2) politeknik dan sembilan (9) kolej komuniti termasuk *Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi*.

Buat masa ini, KPT perlu merancang secara lebih terperinci untuk menubuhkan sesebuah IPTA mahupun cawangannya supaya memenuhi keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.